



Rohani ketika bercakap kepada pemberita.

Beberapa projek sedang, akan dibangunkan

JOHOR BAHRU - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang dan akan membangunkan beberapa projek pembangunan di negeri ini.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, salah satu projek yang sedang berjalan pada masa ini adalah menaik taraf kuarters Taman Sinar Harapan, Tampol.

"Kos projek ini RM31.3 juta. Projek ini dijangka siap November depan. Begitu juga dengan projek menaik taraf kuarters Desa Bina Diri, Mersing. Ia dijangka siap Disember tahun ini," katanya ke-

tika berucap pada Majlis Perasmian Projek Menaiktaraf Taman Sinar Harapan Jubli, semalam.

Hadir menyempurnakan perasmian tersebut adalah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Rohani berkata, sebuah projek mega juga akan dibawa ke negeri ini, iaitu Kompleks Penyayang, Kempas.

Katanya, kompleks itu merupakan bangunan perkhidmatan bersepadu dan akan memberikan perkhidmatan kepada semua kumpulan sasaran kementerian di Johor.

"Perkhidmatan yang akan disediakan ialah Pejabat Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Pejabat Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Johor, Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Taska 1Malaysia, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), Kafe@Teen, Klinik Nur Sejahtera dan pelbagai kemudahan lain.

"Kompleks ini dijangka menempatkan 250 warga kerja kementerian dan berupaya menyantuni klien melebihi 200 orang pada satu masa," katanya.